

**PENGENDALIAN DOKUMENTASI ANAK SUSUAN
DALAM KALANGAN IBU SUSUAN**

**[HANDLING OF BREASTFEEDING DOCUMENTATION AMONG
BREASTFEEDING MOTHERS]**

¹ HALIMATUS SAADIAH MOHAMAD SAFIR
¹DHAMIRAH NURSAKINAH MOHAMAD SAFIR
¹SITI FATIMAH SALLEH

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: sitifatihmah@unisza.edu.my

Received Date: 11 May 2020 • Accepted Date: 25 Sept 2020

Abstract

Breastfeeding mothers documentation is a mechanism that needs to be established today. Infants who are breastfed by other women in terms of breastfeeding mothers have the effect of Islamic law on issues of Fiqh and worship. Witnessing and confession are instruments introduced by the syariah for the purpose of proving breastfeeding. In this context, the issue of expressing breast milk and commercial sale of breast milk by certain parties are increasing. It is believed that the operation of this practice has not been formally monitored by the authorities. The objective of this study was to find out the practice of documentation of breastfeeding among nursing and breastfeeding mothers. This study uses the document analysis method of the Fiqh book to see the views of scholars in breastfeeding and interviews conducted with breastfeeding mothers and nursing mothers. Studies have found that there are various ways in documentation of breastfeeding mothers. Therefore, for breastfeeding documentation due to current breastfeeding practice, the management of milk-child documentation officially need to be implemented.

Keywords: Documentation, Breastfeeding, Breast Milk, Milk-Child, Breastfeeding Mothers.

Abstrak

Dokumentasi anak susuan merupakan mekanisme yang perlu diwujudkan pada masa kini. Bayi yang disusui oleh wanita lain dengan memenuhi syarat penyusuan memberi kesan hukum syarak dalam isu munakahat dan ibadat. Penyaksian dan pengakuan merupakan instrumen yang diperkenalkan syarak bagi tujuan pembuktian penyusuan anak susuan. Kontemporari ini, berlaku isu pengambilan susu ibu secara ekspres dan penjualan air susu ibu secara komersial oleh pihak tertentu semakin meningkat. Didapati pengendalian kepada amalan ini belum dipantau oleh pihak berkuasa secara rasmi. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui amalan dokumentasi penyusuan anak susuan dalam kalangan penjaga dan ibu susuan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap kitab-kitab fiqh bagi melihat pandangan ulama terhadap penyusuan

dan temubual telah dijalankan kepada ibu susuan serta penjaga anak susuan. Kajian mendapati berlaku kepelbagaian cara dokumentasi anak susuan. Justeru, bagi proses pendokumentasian anak susuan ekoran amalan pengambilan anak susuan yang berlaku pada masa kini, pengurusan dokumentasi anak susuan secara rasmi perlu dilaksanakan.

Kata kunci: Dokumentasi, Penyusuan, Susu Ibu, Anak Susuan, Ibu Susuan.

Cite as: Halimatus Saadiah Mohamad Safir, Dhamirah Nursakinah Mohamad Safir & Siti Fatimah Salleh. 2020. Pengendalian dokumentasi anak susuan dalam kalangan ibu susuan. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 4(2): 67-77.

PENGENALAN

Kefahaman masyarakat terhadap kepentingan penyusuan air susu ibu telah melalui suatu anjakan pemikiran yang melibatkan perubahan sosial kepada cara tindakan para ibu dan wanita terutama yang berkerjaya dalam pengendalian proses penyusuan anak atau bayi lain. Perubahan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada perubahan institusi kekeluargaan (Siti Fatimah, 2017). Artikel ini bertujuan untuk melihat dan merungkai kaedah pengendalian dokumentasi serta amalan yang dilakukan dalam kalangan penjaga dan ibu susuan bagi bayi yang disusui. Pengendalian dokumentasi ini bertujuan untuk menangani masalah berkaitan hubungan mahram susuan pada masa hadapan.

Pemberian susu ibu kepada bayi lain didapati berlaku dalam pelbagai cara dan bentuk. Susu ibu diberi secara langsung dan tidak langsung (Siti Fatimah, 2014). Ekoran inovasi, sains dan teknologi serta gelombang kemajuan industri dunia yang memberi implikasi dalam kehidupan manusia, amalan penyusuan yang berlaku pada masa kini melibatkan wanita di kawasan bandar dan luar bandar. Malah, ada yang melibatkan seorang ibu atau lebih dan dalam masa yang sama melibatkan beberapa orang bayi dari keluarga yang berbeza atau sebaliknya. Pendokumentasian anak susuan adalah untuk menjaga elemen asas dalam maqasid, iaitu pemeliharaan agama dan nasab (Siti Fatimah, 2014) melalui pengharaman yang disebabkan penyusuan. Ini kerana pengambilan ibu susuan akan memberi kesan dalam beberapa aspek hukum syarak, terutamanya dalam isu kekeluargaan.

Perbezaan keadaan dan suasana masyarakat pada masa dulu dan kini yang berhadapan dengan kemajuan teknologi memerlukan kepada pengawalan penyusuan bayi lain berasaskan kaedah fiqh yang dikenali sebagai *saddu al-zara'i* (Saduqi, 2002). Kaedah ini berfungsi sebagai usaha dan langkah ke arah membendung sekali gus menghalang dari berlakunya sesuatu perkara dari terus berleluasa. Kaedah ini juga wajar diaplikasi dalam konteks penyusuan anak susuan, ekoran wujudnya amalan pengambilan anak susuan dalam kalangan masyarakat yang belum diurus pendokumentasiannya secara rasmi. Penyusuan yang melibatkan anak dan ibu susuan memberi implikasi hukum berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang bermaksud: “Mereka yang haram dikahwini kerana keturunan, haram juga dikahwini kerana susuan” (al-Bukhari: 2645 dan Muslim: 3584).

Perkahwinan sesama mahram susuan memberi kesan terhadap status perkahwinan. Pasangan terpaksa berpisah kerana akad perkahwinan terbubar. Satu kisah pada zaman Baginda SAW, berlaku kepada ‘Uqbah bin al-Harith yang disebut dalam kitab (al-Darimi, 2000) beliau berkahwin dengan Ummu Yahya binti Abi Ihab dan selepas berlangsungnya perkahwinan, datang seorang hamba menyebut kepada beliau, “Aku telah menyusui kamu berdua”. Kemudian

‘Uqbah bersegera menemui Nabi Muhammad SAW lalu menceritakan apa yang telah berlaku. Baginda SAW terus membubarkan perkahwinan tersebut dan kisah ini juga disebut dalam sahih Bukhari yang bermaksud: “Daripada ‘Uqbah bin al-Haris, beliau telah berkahwin dengan Ummu Yahya iaitu anak perempuan Abi Ihab, kemudian didatangi seorang wanita (hamba perempuan berkulit hitam) lalu berkata: sesungguhnya aku telah menyusui kamu berdua. Kemudian ditanya kepada Rasulullah SAW, Baginda berkata: Bagaimana? Dikatakan Baginda membubarkan perkahwinan ‘Uqbah, lalu wanita itu mengahwini lelaki lain”.

KONSEP PENYUSUAN ANAK SUSUAN MENURUT SYARAK

Penyusuan anak susuan dapat difahami melalui pengukuhan yang digambarkan dalam ayat al-Quran dan hadis. Penyusuan bayi lain menyebabkan berlakunya mahram susuan. Begitu juga hubungan antara anak susuan dengan ahli keluarga ibu susuan. Berdasarkan dalil pensyariatan bagi penyusuan telah dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud: “Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (wanita-wanita berikut): ibu-ibumu, anak-anakmu, saudara-saudaramu, saudara-saudara bapamu, dan saudara-saudara ibumu, anak-anak saudaramu yang lelaki, anak-anak saudaramu yang perempuan, ibu-ibumu yang telah menyusukan kamu, saudara-saudara susuanmu (al-Nisa: 23)

Ayat di atas menjelaskan larangan syarak terhadap perkahwinan sesama mahram. Anak susuan dilarang berkahwin dengan ibu susuan dan adik beradik susuan. Diriwayatkan juga dalam hadis yang bermaksud: “Penyusuan menyebabkan anak susuan haram dikahwini, sebagaimana anak yang dilahirkan” (al-Bukhari: 2646, Muslim: 3568).

Penyusuan yang melibatkan anak susuan dan mahramnya haram dikahwini memberi kesan kepada jaluran nasab. Antara keturunan ibu susuan yang haram dikahwini ialah adik beradik ibu susuan, anak ibu susuan, cucu perempuan ibu susuan, dan ibu kepada ibu susuan. Begitu juga keturunan bapa susuan yang haram dikahwini. Antara keturunan bapa susuan yang haram dikahwini ialah, adik-beradik bapa susuan, anak perempuan bapa susuan walaupun dengan isteri lain dan cucu perempuan bapa susuan serta ibu kepada bapa susuan. Golongan yang dinyatakan dalam ayat Al-Quran dan hadis di atas adalah inti pati pensabitan mahram dan diharamkan berkahwin sesama mereka disebabkan penyusuan.

Para ulama dalam menyatakan pandangan mereka bagi isu ini telah memberi garis panduan terhadap penyusuan anak susuan. Para ulama juga berselisih pendapat kepada tiga pandangan. Pandangan pertama, Mazhab Hanafi dan Maliki berpendapat sabit pengharaman disebabkan penyusuan tidak kira banyak atau sedikit susu tersebut, bahkan jika sekali hisapan susu ibu sudah berlaku pengharamannya. Pandangan kedua, iaitu Mazhab Syafi‘i dan Hambali, mereka mengatakan bahawa sabit pengharaman disebabkan penyusuan ialah apabila seorang bayi meminum susu sebanyak lima kali susuan dalam lima waktu yang berlainan. Ini juga boleh dimaksudkan dengan lima kali kenyang, maka dikira pengharamannya. Sekiranya hanya dua atau sekali susuan tidak jatuh pengharamannya. Pandangan ketiga daripada Abu Thaur, Abu ‘Ubaid, Daud, Ibn Munzir berpendapat sabit pengharaman dengan tiga kali penyusuan (al-Sartawi, 2007). Justeru, dalam menentukan kadar susuan ini ulama telah berselisih pendapat dan mereka telah mengutarakan pendapat mereka dengan dalil dan hujah masing-masing.

FAKTOR PENYUSUAN ANAK SUSUAN KONTEMPORARI

Kepesatan pembangunan dan kemajuan teknologi telah merubah pola kehidupan manusia. Pelbagai kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk menghasil dan membekal keperluan penyusuan bagi memenuhi keperluan penyusuan bayi. Permintaan terhadap air susu ibu meningkat dan khidmat ibu susuan mula mendapat sambutan dan permintaan yang tinggi. Kesannya, penyusuan yang berlaku secara berleluasa ini akan membuka ruang kepada banyak pihak, (Siti Fatimah, 2014) bahkan mempengaruhi sosiobudaya sesebuah tempat.

Pelbagai faktor yang telah mempengaruhi penyusuan anak susuan pada masa kini. Interaksi melalui jaringan media sosial seperti *facebook* dengan kumpulan-kumpulan ibu dan keluarga bayi. Selain itu, beberapa kumpulan wanita yang dikatakan bergerak aktif dalam dunia penyusuan susu ibu akan mengambil tempat sebagai orang tengah dan mereka ini menjadi penghubung antara ibu yang memerlukan susu ibu untuk bayi dan para ibu yang ingin menderma lebih susu ibu (Zaiza, 2016).

Amalan penyusuan yang berlaku antara ibu susuan dan anak susuan sering berlaku di bandar-bandar besar, terutamanya bagi para ibu yang berkerjaya. Menurut pegawai sains pemakanan di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur, beliau berpendapat bahawa kekurangan ilmu pengetahuan tentang pengurusan penyusuan dan penguasaan hukum agama antara faktor yang membawa kepada ketidakjelasan konsep penyusuan anak susuan ini. Menurutnya juga, perlu dicadangkan pendekatan yang boleh dijadikan alternatif kepada golongan ini dengan memperkenalkan konsep asas menggunakan pendekatan medium 'KAP'. Singkatan ini terdiri daripada *Knowledge, Attitude and Practice*. Pendekatan ini berperanan sebagai panduan kepada para ibu susuan yang dikenali sebagai Pengetahuan, Sikap dan Amalan yang perlu difahami dan dipelajari dalam kalangan ibu susuan (Zaiza, 2016).

Penyusuan anak susuan yang berterusan sehingga kini telah berlakunya isu para wanita memberi air susu kepada orang lain tanpa mengambil kira implikasi jaluran mahram pada masa akan datang. Begitu juga para ibu bapa yang mengambil jalan mudah dengan memberi susu ibu daripada wanita lain kepada anak mereka tanpa mengenali antara satu sama lain (al-Bakri, 2016).

Pemberian susu ibu secara eksklusif kepada bayi sangat disaran dan digalakkan. Hal ini menyebabkan para ibu sanggup mengambil ibu susuan untuk bayi mereka. Islam memandang serius terhadap pembuktian penyusuan. Pembuktian melalui penyaksian dan pengakuan merupakan asas yang diperkenalkan oleh Islam sebagai garis panduan pengambilan anak susuan.

Kontemporari, pengambilan susu ibu mudah diperolehi dari pihak tertentu mengikut kehendak dan keperluan ibu serta bayi. Ketiadaan pengawasan pihak berkuasa akan menimbulkan suasana tidak harmoni dalam sesebuah masyarakat dan implikasinya wujud kecelaruan dalam mengenal pasti mahram susuan tersebut. Pengendalian dokumentasi penyusuan secara rasmi dan penguatkuasaan mampu membentuk sebuah peraturan dan perundangan yang holistik dan komprehensif (Siti Fatimah, 2014).

Keadaan bertambah rumit apabila ada sesetengah pihak yang mengambil kesempatan dengan mengkomersialkan air susu ibu. Kenyataan ini telah dikeluarkan oleh pihak media dan telah disahkan oleh pegawai kesihatan Wilayah Persekutuan (Zaiza, 2016). Perkara ini bukan sahaja berlaku di luar negara, bahkan turut berlaku di Malaysia. Situasi seumpama ini

membimbangkan dan perlu dipantau secara serius oleh pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan penyusuan anak susuan dipelihara dan terjaga.

METODOLOGI KAJIAN

Tinjauan awal telah dilakukan dengan menggunakan beberapa kaedah. Kajian ini menggunakan kaedah lapangan melalui temu bual bersama responden. Kaedah kajian ini digunakan untuk mengetahui amalan yang dilaksanakan dalam kalangan penjaga dan ibu susuan yang mengambil anak susuan dalam merekod atau mendokumentasi maklumat anak susuan. Bagi kajian yang berbentuk kualitatif, wujud persamaan demografi, saiz sampel responden sekecil 5 subjek sudah memadai (Chua, 2011). Bagi melengkapkan kajian yang dijalankan, responden telah dipilih secara rawak mengikut kriteria tertentu.

Kajian lapangan yang dikenali sebagai empirikal bertujuan mendapatkan data primer. Manakala pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan melalui analisis dokumen yang dipanggil teoretikal, adalah untuk mendapatkan data sekunder. Penggunaan dua kaedah kajian ini akan membina triangulasi metodologi bagi mengukuhkan pengumpulan data kajian. Soalan yang dikemukakan kepada responden dalam kajian ini, menggunakan kaedah temu bual separa struktur yang merangkumi pelbagai aras bahasa pada isu yang sama (Chua, 2011).

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah penerokaan. Kaedah ini dilakukan bagi mengenali sesuatu perkara melalui maklumat yang terhad tentang sampel yang ingin dikaji untuk digunakan pada masa hadapan (Sabitha, 2009). Kaedah ini juga akan membina pemahaman dan idea baharu hasil penilaian dari sesuatu perkara atau topik yang telah diperhatikan (McNabb, 2010). Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk memilih 5 orang responden secara rawak yang terlibat dalam penyusuan anak susuan. Latar belakang responden mempunyai persamaan dari sudut sosial dan akademik. Wanita yang berstatus ibu susuan ini dipilih untuk mengenal pasti amalan mereka dalam pelaksanaan dokumentasi anak susuan.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN BAGI PENGENDALIAN DOKUMENTASI ANAK SUSUAN OLEH IBU SUSUAN

Pendekatan Syarak dalam Mensabitkan Anak Susuan

Mekanisme bagi penentuan mahram susuan adalah melalui beberapa kaedah. Kaedah yang telah diperkenalkan oleh syarak adalah asas bagi pengendalian dokumentasi penyusuan antara anak susuan dengan ibu susuan. Mekanisme yang menjadi penentuan pensabitan mahram susuan adalah melalui pengakuan “*iqrar*” dan bukti “*bayyinah*” (al-Zuhayli, 2010). Dalam aspek penyaksian, terdapat perselisihan pandangan dalam menentukan jumlah dan kedudukan seseorang saksi (Zaidan, 2003).

Pendokumentasian Anak Susuan

Tinjauan awal kajian ini mendapati tiada enakmen yang dibentuk oleh pihak berkuasa untuk membuat pemantauan terhadap penyusuan anak susuan yang melibatkan ibu bapa susuan dan ibu bapa kandung anak susuan serta penjaganya. Proses pendokumentasian secara rasmi belum lagi diwujudkan terutama secara maya. Berdasarkan temu bual bersama Mufti Wilayah Persekutuan (al-Bakri, 2016) pada masa tersebut belum ada pendokumentasian anak susuan dan ibu susuan. Beliau mencadang agar diwujudkan pendokumentasian bagi penyusuan anak susuan kerana ia melibatkan mahram susuan antara dua pihak. Bagi menentukan berlakunya hubungan mahram antara ibu susuan dengan anak susuan (al-Zuhayli, 2010), penyaksian dan pengakuan adalah asas kepada pembuktian penyusuan.

Dokumentasi dalam bentuk catatan antara ibu susuan dan anak susuan perlu dilaksanakan untuk mengaplikasi kaedah fiqh iaitu *saadu al-zara'ei* (Saduqi, 2002). Langkah ini perlu diadaptasi dalam isu dokumentasi anak susuan. Tindakan ini menjadi tanggungjawab bersama antara masyarakat dan pihak berkuasa bagi memenuhi tuntutan maqasid iaitu pemeliharaan nasab disebabkan mahram penyusuan. Kaedah ini juga dianjurkan oleh syarak dan disepakati oleh ulama zaman silam (Ibn Qudamah, 1997). Ibn Qudamah menukilkan, sebahagian konsep penyusuan dikenali dengan panggilan “tuntutan akad penyusuan”. Akad penyusuan ini merupakan bukti berkenaan penyusuan yang berlaku antara ibu susuan dan anak susuan. Isi kandungan dalam akad ini umpama perjanjian berkenaan dengan perkara yang melibatkan air susu ibu (Ibn Qudamah, 1997).

Kajian ini merupakan tinjauan awal dalam mengenal pasti kaedah dokumentasi anak susuan terhadap 5 orang responden yang dipilih secara rawak. Dapatan kajian diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual semi struktur dan dibina berasaskan dua tema.

Pertama: berkaitan dengan hukum penyusuan anak susuan. Dalam aspek pengetahuan hukum penyusuan, kelima-lima ibu susuan mempunyai asas pengetahuan umum seperti penyusuan memberi kesan pada mahram dan melibatkan nasab. Responden A, B dan C kurang memahami konsep hukum penyusuan anak susuan seperti tidak dapat mengenal pasti mahram susuan bersama keluarga sendiri dan hubungan mahram sebelah pihak suami ibu susuan. Manakala responden D dan E mengalami kekeliruan dari sudut bilangan kenyang yang mencukupkan syarat penyusuan anak susuan.

Mengikut mazhab Syafie, menjadi mahram disabitkan penyusuan setelah berlaku lima kali penyusuan secara berasingan iaitu waktu yang berbeza. Maka, penyusuan tersebut meninggalkan kesan kepada keturunan atau nasab, iaitu pengharaman disebabkan penyusuan. Ia perlu dipelihara oleh masyarakat *mukallaf* kerana ia termasuk dalam *dharuriyyat al-khams* dalam *maqasid Syariah* iaitu pemeliharaan keturunan (Firos, 2013). Manakala membendung permasalahan dari terus berleluasa seperti isu perkahwinan sesama mahram pula perlu dipantau rentetan pengambilan anak susuan dengan mempraktikkan kaedah fiqh iaitu *إِذَا اتَّسَعَ الْأَمْرُ ضَاقَ* yang bermaksud sesuatu perkara apabila terlalu meluas, ia perlu di sempitkan (Saduqi, 2002). Analisis kepada soalan berkaitan hukum anak susuan dan ibu susuan terhadap ahli keluarga dalam aspek hubungan mahram, responden A dan B mempunyai kefahaman yang jelas berkenaan soalan tentang hubungan anak susuan terhadap ibu susuan, adik beradik susuan, dan ahli keluarga yang lain seperti adik beradik kepada bapa susuan dan adik beradik kepada ibu susuan dalam jaluran mahram susuan.

Manakala responden C, D, dan E tidak mempunyai pengetahuan tentang implikasi penyusuan antara ahli keluarga di sebelah pihak adik beradik kepada bapa susuan dan adik beradik kepada ibu susuan. Mereka beranggapan bahawa hubungan mahram penyusuan yang disabitkan hanyalah orang yang menyusui anak susuan iaitu mahram susuan hanya berlaku antara anak susuan dan ibu susuan. Situasi pengetahuan mereka turut sama bagi hubungan mahram susuan terhadap adik beradik tiri susuan dan beranggapan tiada kaitan dengan hubungan penyusuan.

Soalan yang berkait dengan pengetahuan hubungan mahram susuan terhadap kedua ibu bapa bagi ibu susuan pula, kelima-lima responden tiada pengetahuan tentang hubungan mahram susuan tersebut. Mereka tidak mengetahui hubungan mahram juga berlaku antara anak susuan dengan ibu bapa ibu susuan. Kondisi yang sama difahami iaitu mereka beranggapan hukum penyusuan ini berlaku antara ahli keluarga yang terdekat sahaja seperti anak dan ibu susuan serta adik beradik susuan. Mereka tiada kefahaman langsung tentang implikasi penyusuan ini. Menurut syarak, hubungan tersebut berstatus sebagai datuk dan nenek susuan kepada anak susuan itu.

Analisis pengetahuan berkenaan keizinan suami untuk menyusui bayi lain, hasil dari temubual bersama responden, kesemua responden mendapat keizinan daripada suami. Malah, responden A mendapat sokongan dan dorongan untuk menyusui bayi lain kerana anak susuan tersebut mempunyai hubungan nasab iaitu anak saudara suaminya, dan responden B pula telah menyusui anak saudaranya sendiri. Isu keizinan daripada suami merupakan sebahagian dari aspek konsep hukum dalam penyusuan. Ini kerana air susu isteri merupakan milik bersama suami kerana air susu yang terhasil teretus dari hubungan suami isteri itu dan ia berkait juga dengan sumber nafkah yang diberikan oleh suami (Uqlah, 2019).

Terdapat beberapa faktor yang menjadi penyebab kepada pengambilan anak susuan yang dikenal pasti dalam kajian ini. Bagi responden A, faktor pengambilan anak susuan adalah disebabkan adik kepada suaminya mengalami masalah ketika melahirkan bayi. Pada waktu yang sama responden A dan B mempunyai lebih air susu dan ibu bayi tidak mampu menghasilkan air susu ibu menyebabkan mereka mengambil pendekatan memberi anaknya menyusui dengan ibu lain.

Antara kaedah pertemuan antara ibu susuan dengan bayi yang dikenal pasti melalui kajian ini adalah mereka berhubung secara atas talian. Situasi ini berlaku kepada responden C, D, dan E. Mereka menyusui anak kenalan yang berhubung secara atas talian dan media sosial seperti *facebook* hanya dengan mengirim air susu ibu yang telah dibekukan dan dipos kepada penjaga bayi tersebut. Bagi responden C, sepanjang penyusuan anak susuan, beliau tidak pernah membuat pertemuan secara bersemuka antaranya dengan anak susuan.

Kajian telah menganalisis tema yang kedua iaitu tentang rekod bukti penyusuan anak susuan dan pengendalian dokumentasi antara anak susuan dan ibu susuan. Berdasarkan temu bual bersama responden, kajian ini mendapati kelima-lima ibu susuan tidak merekod sebarang dokumentasi penyusuan. Tiga responden hanya menyimpan sijil kelahiran dan dua daripada mereka menyimpan kad pengenalan milik ibu bapa bayi tersebut. Mereka juga tidak menitikberatkan beberapa elemen yang penting seperti tidak mencatat nama ibu bapa anak susuan, anak-anak ibu susuan dan alamat mereka.

Antara cadangan yang dikemukakan oleh responden juga adalah berkaitan dokumentasi secara rasmi yang diurus oleh pihak bertanggungjawab sebagai rujukan dan penyelesaian dalam

mengurus perihal perkahwinan di masa akan datang. Mereka bersetuju sekiranya penyusuan antara anak susuan dan ibu susuan direkod, sekali gus mewujudkan pengendalian dokumentasi penyusuan dan pelaksanaan ini berada di bawah pengurusan dan pemantauan pihak berkuasa.

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa penyusuan oleh ibu susuan terhadap anak susuan tidak didokumentasikan maklumat asas yang penting seperti nama anak susuan, ibu dan bapa anak susuan, anak-anak ibubapa susuan, alamat, nombor telefon dan lain-lain maklumat yang diperlukan bagi memastikan anak susuan dapat terus berhubung antara mereka sekali gus menangani isu saling tidak mengenali antara mereka. Apabila hubungan mahram susuan yang terjalin tidak direkodkan, serta tiada sebarang catatan yang menjadi bukti hubungan mahram penyusuan antara mereka. Keadaan ini memberi kesan negatif terhadap institusi kekeluargaan dan kehidupan sosial mereka. Pendokumentasian secara rasmi mampu menjadi pusat rujukan kepada mahram-mahram lain dalam menyelusuri individu yang menjadi mahram susuan kepada anak susuan yang disusui.

Analisis terhadap kaedah pertemuan yang dilakukan oleh responden antara ibu susuan dengan anak susuan serta adik beradik susuan. Responden A dan B mengadakan pertemuan secara bersemuka bersama anak susuan kerana bayi tersebut adalah daripada ahli keluarga terdekat yang mempunyai hubungan anak saudara, seperti menyusu anak saudaranya dan menyusu anak kepada adik ipar. Keperluan perjumpaan bersemuka berlaku kerana pertalian hubungan kekeluargaan.

Kajian mendapati responden C tidak pernah berlaku pertemuan bersemuka antara ibu susuan dan anak susuan. Manakala responden D dan E, berlaku penyusuan kerana faktor kenalan persahabatan. Berlaku pertemuan yang sangat jarang antara mereka iaitu seperti pertemuan ketika musim perayaan iaitu sekali sepanjang setahun. Lantaran perbezaan negeri dan halangan jarak antara mereka menyukarkan pertemuan bersemuka secara kerap antara ibu susuan dan anak susuan serta adik beradik susuan.

Namun begitu, pada awalnya persepsi bagi responden A dan B yang menyusui bayi lain dalam kalangan ahli keluarga berpendapat penyusuan yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga tidak memerlukan kepada rekod rasmi kerana saling mengenali antara satu sama lain. Tetapi, apabila diajukan berkenaan situasi kecelaruan mahram susuan pada masa akan datang tentang hubungan mahram susuan yang telah terjalin, mereka mula berfikir dan merasa bimbang terhadap tindakan penyusuan anak susuan tersebut. Ekoran itu, kesemua responden berpendapat dan sangat bersetuju sekiranya diwujudkan sistem dokumentasi yang diurus secara rasmi oleh badan tertentu.

Kajian mendapati, perlu diwujudkan juga medium penjelasan serta pencerahan tentang kedudukan atau konsep anak susuan dalam Islam. Pendedahan tentang kepentingan dokumentasi anak susuan perlu diketengahkan melalui institusi atau badan tertentu seperti pusat kesihatan, hospital rakan bayi, persatuan atau kelab penyusuan susu ibu. Ini bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang implikasi penyusuan anak susuan dan masyarakat mempunyai persediaan asas dalam mengambil anak susuan.

Kajian juga mengenal pasti persepsi kesemua responden berpendapat bahawa untuk mengambil anak susuan, ibu susuan perlu melihat latar belakang keluarga dan ibu kepada anak tersebut. Begitu juga sebaliknya. Penjaga kepada bayi perlu melihat keperibadian ibu susuan yang bakal menyusui anaknya. Hal ini kerana penyusuan merupakan sebahagian makanan yang bakal menjadi darah daging kepada bayi tersebut. Menurut Ibn Qudamah (2004), makruh

memberi air susu ibu wanita *fujur* dan *musyrik*. Implikasi dari penyusuan itu akan membentuk diri bayi pada masa akan datang. Amalan penyusuan ternyata memberi kesan kepada proses tumbesaran bayi. Seperti mana yang telah dinyatakan dalam hadis Nabi yang bermaksud: “Tidak ada hukum susuan melainkan yang menguatkan tulang dan menumbuhkan daging” (al-Syaukani, 2004).

Kajian ini menunjukkan bahawa pengambilan anak susuan melibatkan jaluran mahram susuan banyak pihak, ia memerlukan kepada pengurusan dokumentasi yang mesti dipantau oleh pihak berkuasa melalui mekanisme yang lebih bersistematik. Bagi memudahkan urusan dokumentasi, medium pendokumentasian secara atas talian merupakan pendekatan yang lebih kompetitif dan komprehensif. Zulkifli Mohamad al-Bakri (terjemahan Fiqh al-Manhaji, 2011) melalui penerangan bayan linnas <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1138-bayan-linnas-siri-70-isu-berkenaan-ibu-susuan-pelbagai-hukum-kad-atau-sijil-susuan>: “Oleh itu, ulama Fiqh kebelakangan ini menyatakan bahawa seorang perempuan makruh menyusukan kanak-kanak yang bukan anaknya sendiri tanpa sebarang keperluan yang mendesak”.

Berdasarkan kenyataan tersebut, hukum asal menyusu bayi lain adalah makruh tanpa sebab. Selain menjadi sumber rujukan dan bukti pensabitan mahram penyusuan, dokumentasi yang dibentuk mengikut garis panduan syarak dapat mengelakkan peristiwa perkahwinan sesama mahram susuan yang telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW. Melihat kepada kesan penyusuan anak susuan, pihak Mufti Wilayah Persekutuan menyarankan penyusuan antara anak susuan dan ibu susuan direkodkan. Satu sistem pengendalian yang berkonsep syarak dalam kalangan penjaga dan ibu susuan mesti dipantau secara rasmi oleh pihak berwajib (Zulkifli al-Bakri, 2016)

Justeru, pelaksanaan dokumentasi anak susuan secara rasmi di bawah pengawasan pihak berkuasa perlu diwujudkan. Ini kerana dokumentasi mampu berfungsi sebagai bahan bukti kepada status hubungan antara ibu susuan dan anak susuan. Kajian juga menemubual beberapa pihak jabatan mufti antaranya Timbalan Mufti Perak (Zamri bin Hashim, 2019), Mufti Kedah (Syeikh Fadzil bin Awang, 2019), Mufti Kelantan (Mohamad Shukri, 2019), dan Mufti Wilayah Persekutuan (Zulkifli al-Bakri, 2019) telah menyokong dan memberi kata sepakat supaya pengambilan anak susuan mesti direkod melalui dokumentasi yang lebih efektif. Kajian ini telah merumuskan bahawa semua pihak bersetuju agar dokumentasi anak susuan direkod dan didokumentasi di bawah pemantauan pihak berkuasa.

KESIMPULAN

Kajian merumuskan beberapa dapatan utama, antaranya seperti pengambilan anak susuan memberi implikasi yang berterusan terhadap jaluran mahram susuan yang melibatkan jaluran usul (ibu dan bapa susuan ke atas) dan jaluran *furu'* (anak dan ke bawah). Pengurusan dokumentasi penyusuan anak susuan tidak diurus dengan baik dan pincang dalam aspek pendokumentasian.

Berdasarkan respons para responden serta kajian yang dijalankan, dicadangkan agar pengurusan dokumentasi anak susuan diurus secara rasmi oleh pihak berautoriti, yang dikendalikan oleh pihak berkuasa dengan kemudahan sistem teknologi yang ada hari ini. Begitu juga diwujudkan modul fiqh anak susuan bagi tujuan pendedahan dan memberi kefahaman yang jitu tentang hukum hakam anak susuan dalam Islam kepada masyarakat.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kelulusan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 1/2018 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui Center for Research Excellence and Incubation Management (CREIM) UniSZA dengan Tajuk: Pembinaan Model Pengurusan Pensijilan Dan Dokumentasi Anak Susuan Patuh Syariah.

RUJUKAN

- al-Bukhari. 2014. *Sahih al-Bukhari, al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar*. Cetakan ke 2, Damsyik: Muassasah al-Risalah.
- al-Burnu, Muhammad Shidqi bin Ahmad bin Muhammad. 2002. *al-Wajiz fi Idah Qawaid al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alimiya.
- Chua, Yan Piau. 2011. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGrawHill.
- al-Darimi, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Abd al-Rahman bin al-Fadhal bin Bahram, (2000), *Sunan al-Darimi*. Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Fadzil Awang. 2019. Permasalahan Susu ibu pada pandangan Mufti Negeri Kedah, Pulse Grand Hotel, Putrajaya. Temubual. 2 Oktober.
- Harussani Zakaria. 2019. Permasalahan Susu Ibu: Pengalaman Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan, Jabatan Mufti Negeri Perak, Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit. Temubual. 15 Ogos.
- <http://www.gjat.my/gjat062017/13120170701.pdf>, S.F. Salleh, An Analysis of the Elements of Social Change in the Context of 'Urf in Islamic Law, Jun 2017, Vol 7, Issue 1.
- Ibn Qudamah, (2004), *Al-Mughni*. al-Urdun: Baytul Afkar al-Dauliyyah.
- McNabb, D. E. 2010. *Research Methods for political Science: Quantitative and Qualitative Approaches*. New York, M. C. Sharpe Inc.
- Mohamad Shukri Mohamad. 2019. Permasalahan Susu Ibu: Pengalaman Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Kompleks Balai Islam, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, Kelantan. Temubual. 12 September.
- Muhammad Uqlah Ali al-Ibrahim, (2019), Susu Ibu menurut Islam. Universiti Yarmouk, Jordan. Temubual. 5 Disember.
- Muslim. 2013. *Sahih Muslim, al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan*. Cetakan Pertama, Damascus Syria: Muassasah al-Risalah.
- Nurul Zaiza Zainuddin. 2016. Pengalaman Sains Pegawai Pemakanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan Isu Susu Ibu. Temubual. 22 Disember.
- Sabitha. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Pearson Hall.
- al-Sartawi, Mahmud 'Ali. 2007. *Qadaya Tibbiyah Mu'asirah fi Mizan al-Shari'ah*. 'Amman: Dar al-Fikr Nashirun wa-Muwazzi'un.
- al-Sha'rawi, 'Abd al-Rahim Muhammad Mutawalla. 2010. *Tarbiyyah al-Aulad fi al-Islam*. al-Qahirah: Dar al-Tawfiqiyah lil Turath.
- Shayb, Firas. 2013. *Mafahim Asasiyyah Hawla Maqasid al-Shariah*. Mu'tah: Maktabah Zikra.
- Siti Fatimah Salleh. 2014. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa USIM. 4: 1-16.

- Wahbah Zuhayli, (2010), *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami Wa al-Qodhaya al-Mu'asirah*, Damsyiq: Dar al-Fikir.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 2003. *al-Mufasssal fi Ahkam Mar'ah wa Bait al-Muslim fi Shariah Islamiyyah*. Bayrut: Muassasat al-Risalah.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri dan rakan-rakan, (2011), Judul asal oleh Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali Asy-Syarbaji. Terjemahan *Al-Fiqh al-Manhaj*, Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia (JAKIM).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, (2016), Bayan Linnas, Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Siri 70, Isu Berkenaan Ibu Susuan dan Pelbagai Hukum, Kad atau Sijil Susuan.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2016. Pandangan Mufti Wilayah Persekutuan, di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur berkenaan Susu Ibu. Temubual. 22 Disember.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2016. Permasalahan Susu Ibu: Pengalaman Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya. Temubual. 20 November & 14 Ogos.